

Urusan rombak Exco Kerajaan Negeri Johor 'Perdana Menteri tiada peranan langsung'

Oleh **BADRUL ISA**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 APRIL**

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak mempunyai apa-apa peranan langsung mengikut Perlembagaan Negeri Johor dalam urusan rombakan exco kerajaan negeri itu.

Seorang peguam Mohd. Khairul Azam Abdul Aziz menjelaskan, menurut Perkara 2 Bahagian II, Perlembagaan Negeri Johor 1895, kuasa eksekutif kerajaan negeri adalah kuasa Sultan Johor tetapi fungsi eksekutif Kerajaan Negeri Johor hendaklah diberikan Sultan Johor kepada orang atau autoriti lain.

Jelas beliau, peruntukan yang hampir sama itu turut terkandung dalam Perlembagaan semua negeri beraja yang lain dan tidak hanya di Johor.

"Selanjutnya, menurut Perkara 4 (2) (b) Bahagian II, Perlembagaan Negeri Johor 1895, Sultan Johor hendaklah melantik tidak lebih daripada lapan orang exco kerajaan negeri selepas baginda mendengar nasihat Menteri Besar Johor.

"Di sini, Tun tiada langsung peranan Perdana Menteri atau Menteri Dalam Negeri untuk menasihatkan baginda sultan untuk melantik sesiapa menjadi exco kerajaan negeri, yang ada hanya kuasa menasihati oleh Menteri Besar Johor sahaja," katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah Mohd. Khairul Azam lagi, mengikut Perkara 4 (7) Bahagian II, Perlembagaan Negeri Johor 1895, kesemua exco kerajaan Johor memegang jawatan



MOHD. KHAIRUL AZAM

tersebut mengikut tempoh yang diperkenankan oleh sultan melainkan pelantikannya ditarik balik oleh Sultan Johor atas nasihat Menteri Besar Johor.

"Sekali lagi Tun, Perdana Menteri tiada apa-apa peranan langsung mengikut

Perlembagaan Negeri untuk urusan rombakan exco Kerajaan Negeri Johor. Semuanya adalah atas kuasa Perlembagaan Sultan Johor selepas mendengar nasihat Menteri Besar Johor.

"Percubaan campur tangan Perdana Menteri ke atas proses ini adalah tidak berperlembagaan dari tidak mengikut *rule of law*. Semoga Tun dapat menghormati keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri-negeri," katanya.